

PM mahu agensi yang diswasta kawal inflasi

1 M - 9 OCT 1993
Doleh ZULKIFLEE BARAK

KUALA LUMPUR 8 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir mahu agensi kerajaan yang telah diswastakan bertanggungjawab mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan bagi mengekalkan kadar inflasi yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata, syarikat yang terlibat

harus sedar bahawa pendapatan yang lebih tidak akan dapat memberi kuasa membeli yang tinggi.

“Ini telah dibuktikan di United Kingdom dan Amerika yang rakyat mereka mempunyai pendapatan yang tinggi tetapi memiliki kuasa membeli yang rendah,” kata Dr. Mahathir ketika menjawab salah satu pertanyaan pada sesi dialog di

Persidangan Kebangsaan Penswastaan: Cabaran Masa Depan, di sini, hari ini.

Seorang peserta telah bertanya apakah penswastaan mewajarkan sebuah syarikat gergasi seperti Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad mengenakan bayaran perkhidmatan sesuka hati.

■ Lihat muka 2

U.M. PM mahu agensi yang diswasta kawal inflasi

U.M. - 9 OCT 1993
Kata Dr. Mahathir, jika syarikat swasta mengenakan bayaran yang tinggi mereka juga harus bersedia membayar gaji yang lebih kepada pekerjaannya.

Beliau juga tidak dapat menerima pandangan bahawa kadar inflasi itu mesti ada apabila negara mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi.

"Oleh itu, kita harus bekerjasama bagi memastikan kadar inflasi tidak meningkat dan kalau boleh turun sehingga 0 peratus," katanya.

Beliau menegaskan, kadar inflasi yang tinggi akan menyebabkan Malaysia gagal bersaing di pasaran antarabangsa.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus mengamalkan dasar terbuka dalam melaksanakan penswastan agensinya.

"Kita sentiasa mengamalkan dasar terbuka dalam soal ini bagi memastikan dasar penswastan yang dijalankan mencapai kejayaan cemerlang," katanya.

Perdana Menteri berkata, dasar terbuka yang diamalkan oleh kerajaan ternyata mendatangkan hasil, apabila agensi kerajaan yang diswastakan menunjukkan prestasi cemerlang.

"Apa yang lebih membanggakan syarikat-syarikat berkenaan telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)," kata Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan, berdasarkan kepada hakikat itu, kerajaan akan meneruskan cadangan menswastakan mana-mana agensinya yang difikirkan sesuai.

"Oleh itu adalah perlu jika mana-mana pihak yang mempunyai idea yang baik mengenainya tampil memberi pandangan dan kerajaan tidak keberatan menerimanya," katanya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan satu undang-undang yang bertujuan mendakwa mana-mana pelanggan yang gagal menjelaskan bayaran mereka kepada agensi kerajaan yang telah diswastakan seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan beberapa agensi lain.

Mengenai langkah Malaysia yang terlalu lantang mengkritik dasar negara maju, Dr. Mahathir menegaskan, negara ini hanya menyuarakan apa yang dirasakan patut disuarakan.

"Kita yakin ia tidak menjejaskan pelaburan kerana di negara berkenaan terdapat dua kelompok yang mempunyai pandangan yang berbeza mengenai Malaysia iaitu ahli perniagaan dan ahli politik," katanya.

Katanya, majoriti ahli perniagaan bersetuju dengan pendirian Malaysia kerana mereka melabur di negara ini berdasarkan wujudnya kestabilan politik dan keadaan persekitaran yang baik.

"Ini termasuklah memastikan tiada pihak yang boleh menghasut pekerja melakukan mogok sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak begitu mengambil berat tentang pandangan pejuang-pejuang

alam sekitar kerana mereka mempunyai motif yang tidak baik.

"Contohnya, mereka pernah menuduh bahawa penswastan akan memberi kesan yang tidak baik kepada kawasan luar bandar.

"Tetapi kita telah membuktikan melalui pelaksanaan penswastan itu kehidupan masyarakat luar bandar terutamanya dari segi kemudahan telah meningkat," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan membenarkan pelabur-pelabur asing memegang ekuiti dalam projek-projek infrastruktur terutama-

nya projek yang memerlukan kepakaran asing.

Perdana Menteri juga menegaskan, kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan undang-undang berkaitan dengan penerbangan yang sedia ada apabila syarikat penerbangan kedua diwujudkan tidak lama lagi.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku di Amerika berlaku di negara ini, di mana beberapa buah syarikat penerbangan menanggung kerugian apabila kerajaan terlalu melonggarkan undang-undang," katanya.

Tindakan kerajaan Amerika, katanya, melonggarkan undang-

undang tersebut telah menyebabkan syarikat yang terlibat mengalami kerugian dan seterusnya jatuh bankrap.

"Bagi kita ia adalah satu kerugian bukan sahaja kepada syarikat itu tetapi juga kepada negara dan rakyat," tegasnya.

Dalam sesi soal jawab itu juga, Perdana Menteri menafikan penswastan telah menyebabkan wujudnya persaingan yang tidak baik di kalangan syarikat yang terlibat.

"Itu tidak benar kerana kerajaan melakukannya dengan berhati-hati bagi memastikan persaingan sihat diwujudkan," katanya.